

MAHATHIR-SAHAM

1977

ALOR SETAR, 12 MAC (BERNAMA) -- KERAJAAN SEDANG MENGAJAI KEMUNGKINAN MENGADAKAN PASARAN SAHAM YANG BERASINGAN UNTUK KAUM BUMIPUTRA, DEMIKIAN DIUMUMKAN OLEH TIMBALAN PERDANA MENTERI, DR. MAHATHIR MOHAMAD HARI INI.

BELIAU BERKATA KERAJAAN JUGA AKAN MENGAJAI SAMADA PERLU DITUBUHKAN SEBUAH SYARIKAT PEGANGAN, AMANAH PELABURAN ATAU AMANAH SAHAM BAGI MENGURUSKAN PEMBELIAN SAHAM YANG DIUNTUKKAN KEPADA BUMIPUTRA.

DR. MAHATHIR MENYATAKAN PENUBUHAN PASARAN SAHAM +DUA HALA+ DAN BADAN-BADAN SEPERTI ITU ADALAH ANTARA BEBERAPA SYOR DAN MEMORANDUM YANG DITERIMA OLEH SEBUAH JAWATANKUASA 12 ORANG YANG DIBENTUK OLEH KERAJAAN BARU-BARU INI BAGI TUJUAN TERSEBUT.

KATANYA, JAWATANKUASA YANG DIPENGERUSIKAN OLEH GABENOR BANK NEGARA, TAN SRI ISMAIL ALI, AKAN MENGAJAI DAN MEMASTIKAN AGAR PERUNTUKAN BERJUMLAH \$200 JUTA YANG DISEDIAKAN BAGI PEMBELIAN SAHAM YANG DIKHAJAN KEPADA BUMIPUTRA DIGUNAKAN DENGAN BAIK.

DR. MAHATHIR TELAH BERUCAP DI PERASMIAN MESYUARAT AGUNG TAHUNAN KEEMPAT DEWAN PERNIAGAAN DAN PERUSAHAAN MELAYU MALAYSIA CAWANGAN KEDAH DI KOMPLEKS PELBAGAIGUNA DI SINI. -- BERSAMBUNG 1507/AI

EE

B536:

MAHATHIR-SAHAM 2 ALOR SETAR

TIMBALAN PERDANA MENTERI MENEGASKAN PENUBUHAN PASARAN SAHAM DUA HALA DAN AMANAH SEPERTI ITU DIRASAKAN PERLU MEMANDANGKAN KIRAKIRA \$300 JUTA SAHAM YANG DIUNTUKKAN KEPADA BUMIPUTRA MASIH LAGI BELUM DIBELI SETAKAT INI.

MENURUT BELIAU, SISTEM PASARAN SAHAM SEUMPAMA ITU TELAH PUN DILAKSANAKAN DI BEBERAPA BUAH NEGARA TERMASUK JEPUN, FILIPINA DAN EROPAH.

BELIAU MENERANGKAN BADAN-BADAN AMANAH SEPERTI YANG DISYORKAN ITU AKAN DAPAT MENGADAKAN PAKAR-PAKAR DALAM BIDANG PENJUALAN SAHAM DI SAMPING MENOLONG MENGURUS DAN MEMBELI SAHAM UNTUK BUMIPUTRA.

DR. MAHATHIR MEMBERI JAMINAN BAHAWA USAHA KERAJAAN MEMBANTU BUMIPUTRA DI BIDANG PERNIAGAAN DAN PERUSAHAAN BUKAN BERMAKNA KERAJAAN BERSIKAP PERKAUMAN ATAU PUN HANYA MENGUTAMAKAN ORANG-ORANG MELAYU SAJA.

BELIAU MENGULANGI BAHAWA TINDAKAN KERAJAAN ITU SEMATA-MATA BERTUJUAN MENGIMBANGKAN PERBEZAAN YANG TERDAPAT DI KALANGAN BERBAGAI KAUM DI NEGARA INI. -- BERSAMBUNG 1510/AI

EE

B537:

MAHATHIR-SAHAM 3 ALOR SETAR

MENURUT DR. MAHATHIR, MASALAH BESAR YANG DIHADAPI OLEH PARA PENJAGA DAN USAHAWAN BUMIPUTRA BERPUNCA DARI KELEMAHAN MEREKA DI BIDANG PENGURUSAN.

KATANYA, KAUM BUMIPUTRA TIDAK SEHARUSNYA MERASA SEGAN UNTUK MEMPELAJARI SELOK-BELOK PERNIAGAAN DARI PARA PENJAGA BUKAN BUMIPUTRA YANG TELAH PUN MAJU.

TIMBALAN PERDANA MENTERI MENYATAKAN BAHAWA KERAJAAN SEDIA MENGHANTAR PAKAR-PAKAR MEMBERI CERAMAH UNTUK MEMBIMBING SERTA MELATIH PENGUSAHA-PENGUSAHA BUMIPUTRA DALAM JURUSAN TERSEBUT. --

BERNAMA 1510/AI